

Headline	TNB, PIPP meterai PPA loji janakuasa		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	09 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	Ekonomi	Page No	33
ArticleSize	243 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,657		



CADANGAN loji janakuasa tenaga gabungan kitaran gas di Selangor.

# TNB, PIPP meterai PPA loji janakuasa

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) semalam memeterai perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Pulau Indah Power Plant Sdn Bhd (PIPP) membabitkan cadangan loji janakuasa tenaga gabungan kitaran gas di Selangor.

PIPP adalah syarikat bertujuan khas dimiliki oleh Tadmax Resources Bhd (40 peratus), Worldwide Holdings Bhd (35 peratus) dan Korea Electric Power Corporation (25 peratus).

Tadmax disyaratkan

memeterai PPA dengan TNB selepas memperoleh projek janakuasa tenaga itu daripada kerajaan.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, TNB berkata, PIPP akan terbabit dalam kerja membina, memiliki, mengoperasikan dan menyelenggara kemudahan penjanaan tenaga gabungan kitaran gas dengan kapasiti nominal sebanyak 1,200 megawatt di Pulau Indah, Selangor.

PPA tersebut sah bagi tempoh 21 tahun mulai

tarikh operasi komersial daripada blok penajaan pertama pada 1 Januari, 2024.

"Pemeteraian PPA itu tidak akan memberi sebarang kesan terhadap modal saham terbitan dan berbayar serta pegangan saham-saham utama TNB.

"Ini akan memberi impak neutral terhadap pendapatan TNB sepanjang tempoh PPA berikutan pelepasan kos penajaan menerusi mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif," katanya. - Bernama